

NAMA: _____

KELAS: _____

TAJUK: **JUJUR**

A. Tulis **JUJUR** atau **TIDAK JUJUR** dalam petak kosong berdasarkan situasi di bawah ini:

BIL	SITUASI	JUJUR ATAU TIDAK JUJUR
1	Saya telah memecahkan cermin Shafiqah. Saya berjumpa dengan Shafiqah dan memberitahu perkara yang berlaku.	
2	Sahabat baik kamu meminta kamu untuk menyimpan tiga bungkus coklat. Awak telah memakan sebungkus coklat tersebut.	
3	Anda mengaku kepada guru kelas bahawa anda yang mencetuskan pergaduhan dengan pelajar lain semasa waktu rehat.	
4	Ibu memuji kamu kerana membersihkan pinggan dan mangkuk di dapur sedangkan kakak kamu yang membersihkannya.	
5	Daniel memulangkan semula telefon bimbit abangnya yang dipinjamnya semalam.	
6	Ewan menyimpan baki duit ibunya di dalam tabung tanpa pengetahuan ibunya.	
7	Susanti meminjam novel kawannya tetapi dia tidak memulangkan novel tersebut setelah dia habis membacanya.	
8	Hadif mengetuk pintu Haji Zakwan lalu meminta maaf padanya kerana memetik buah manga tanpa pengetahuan Haji Zakwan.	
9	Alimin tidak mahu menerima apa juga bentuk upah yang diberikan oleh neneknya ketika dia menjaga neneknya yang demam.	
10	Syaza membaca diari sahabat karibnya, Erdina tanpa pengetahuan Erdina lalu Syaza menceritakan isi kandungan diari Erdina kepada rakan-rakannya yang lain.	

- B. Isikan tempat kosong dengan memilih perkataan atau frasa yang sesuai yang disediakan di bawah ini.

musuh masyarakat	dituntut dalam Islam	kehidupan
sikap ikhlas	sikap pembohong	sikap jujur

Pernahkah kamu bersikap jujur? Ramai yang mengatakan tepuklah dada tanya selera. Jujur yang dimaksudkan ialah 1. _____ dan berterus terang dalam perbuatan dan percakapan bagi sesuatu pekerjaan berkebakikan.

Mengamalkan sikap jujur adalah suatu yang 2. _____. Seseorang yang mengamalkan 3. _____ dalam

kehidupannya bukan hanya membahagiakan dirinya sendiri tetapi memberikan keyakinan dan kesenangan kepada orang ramai. Orang yang memiliki sikap jujur mudah dipercayai dan didampingi. Sebaliknya, mereka yang tidak memiliki sikap jujur seperti berbohong, penipu, sombong, tidak amanah dan lain-lain akan menjadi 4. _____.

Orang yang tidak jujur akan sentiasa dibenci disebabkan ketidakjujurannya dalam membuat pekerjaan dan urusan. Jadikanlah amalan sikap jujur dalam 5. _____ kita seharian, kerana menghayati dan mengamalkan sikap jujur boleh mendatangkan kemenangan sekalipun kita menerima pelbagai cabaran dalam kehidupan. Jangan diamalkan 6. _____ dan pendusta sekalipun kita mendapat kemenangan kerana sikap ini akan menghancurkan dan memusnahkan kehidupan kita pada masa depan.